

## REKAYASA DAKWAH TERHADAP MASYARAKAT SUKU KAUM MURUT DI SABAH: SATU ANALISIS

*DA'WAH ENGINEERING AMONG THE MURUT ETHNIC COMMUNITY IN  
SABAH: AN ANALYSIS*

Saifulazry Mokhtar<sup>1\*</sup>, Kasoma Thia<sup>2</sup>, Ailina Jampadin<sup>3</sup>, Mohd Azri Ibrahim<sup>4</sup>, Jamal Adli Ahmad Shukri<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia  
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

<sup>2</sup> SMK Tebobon, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: kasomathia77@gmail.com

<sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia  
Email: ailina@ums.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia  
Email: mohdazri@ums.edu.my

<sup>5</sup> Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia  
Email: jamal\_adli@islam.gov.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 30.06.2025

Revised date: 20.07.2025

Accepted date: 20.08.2025

Published date: 01.09.2025

#### To cite this document:

Mokhtar, S., Thia, K., Jampadin, A., Ibrahim, M. A., Shukri, J. A. A. (2025). Rekayasa Dakwah Terhadap Masyarakat Suku Kaum Murut Di Sabah: Satu Analisis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (41), 210-227.

DOI: 10.35631/IJLGC.1041013

### Abstrak:

Rekayasa dakwah merupakan satu pendekatan strategik dalam pelaksanaan dakwah yang perlu disesuaikan dengan latar belakang dan keperluan golongan sasaran. Ketidaktepatan dalam memilih kaedah dakwah berpotensi membawa kepada kegagalan penyampaian mesej Islam. Pada masa kini, walaupun pelbagai aktiviti dakwah telah dilaksanakan, usaha-usaha tersebut masih belum berjaya membuka pintu hati segerelintir masyarakat, sekali gus menunjukkan persiapan pendakwah yang belum sepenuhnya holistik. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti bentuk rekayasa dakwah yang sesuai bagi masyarakat suku kaum Murut di Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual, pemerhatian penyertaan, dan analisis kandungan berdasarkan kajian terdahulu, yang kemudian dianalisis secara tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan dakwah yang efektif bagi masyarakat Murut merangkumi pembinaan hubungan sosial, pemahaman psikologi komuniti, komunikasi berkesan, pendekatan tidak konfrontatif terhadap isu agama, serta penyediaan infrastruktur asas. Kajian ini turut mengenal pasti tujuh cabaran utama dalam pelaksanaan dakwah kepada kaum Murut, iaitu pengaruh maklumat dalam talian, pengurusan dakwah yang lemah, latar belakang pendakwah, kekangan kewangan, pengaruh budaya Barat, sikap

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



masyarakat setempat, dan tahap komitmen pendakwah. Berdasarkan dapatan ini, rekayasa dakwah yang bersesuaian telah menunjukkan hasil positif dalam meningkatkan minat masyarakat Murut terhadap Islam.

### Kata Kunci:

Dakwah, Murut, Rekayasa Dakwah, Sabah

### Abstract:

Da'wah engineering refers to a strategic approach in Islamic preaching that must align with the cultural context and needs of its target audience. A mismatch between da'wah methods and the characteristics of a particular community can lead to ineffective outreach. Despite the various da'wah activities conducted today, many efforts have yet to succeed in touching the hearts of the intended recipients, indicating that some preachers may not be fully prepared to deliver the message of Islam effectively. This study aims to explore suitable da'wah strategies for the Murut ethnic community in Sabah. Employing a qualitative research approach, data collected through interviews, participant observation, and a review of previous studies, and were analyses thematically. The findings reveal that effective da'wah among the Murut people involves building social relationships, understanding their psychological makeup, employing effective communication, avoiding overly confrontational religious debates, and ensuring basic infrastructure support. The study also identified seven major challenges in implementing da'wah among the Murut: the influence of online information, weak da'wah management, the background of the preachers, financial constraints, Western cultural influences, community attitudes, and the commitment level of da'wah practitioners. Based on these findings, contextually appropriate da'wah strategies have shown promising results in fostering the Murut community's interest in embracing Islam.

### Keywords:

Dakwah, Da'wah Engineering, Murut, Sabah

## Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara multi-etnik yang kaya dengan kepelbagaian kaum, adat, budaya, bangsa serta agama. Ini menunjukkan Malaysia telah mencapai kesepaduan yang baik antara masyarakat lain. Kepelbagaian etnik ini telah mewarnai corak kehidupan di antara satu kaum dengan kaum yang lain (Mokhtar et al., 2021a). Walaupun dengan kepelbagaian yang ada di Malaysia, masyarakat tetap saling hormat menghormati antara satu dengan yang lain dan berinteraksi dengan harmoni dan aman. Menurut Mokhtar et al. (2023a), melalui media massa, masyarakat dapat berhubung dan berkomunikasi antara satu sama lain dan ini dapat membentuk kesepaduan nasional masyarakat di Malaysia. Dalam erti kata lain, melalui maklumat yang diperolehi di media massa ia dapat membantu untuk perkembangan dalam negara dari segi kesepaduan nasional dalam masyarakat serta memelihara integriti nasional. Kepelbagaian kaum dan budaya dalam masyarakat Malaysia amnya dan di Sandakan, Sabah khususnya, menghadirkan seribu satu corak amalan, pegangan, anutan, kebudayaan, kepercayaan dan sebagainya (Mokhtar et al., 2019).

Dua buah negeri yang menghimpunkan kepelbagaian kelompok multietnik adalah Sarawak dan Sabah. Ini adalah berdasarkan keluasan negeri tersebut yang diduduki oleh orang asal atau peribumi. Sabah negeri di bawah bayu merupakan antara negeri yang mempunyai pelbagai

agama, bangsa dan kaum. Di Sabah, penduduknya terdiri daripada 32 kumpulan peribumi yang berkomunikasi atau berinteraksi dengan lebih daripada 50 bahasa dan 80 dialek etnik. Antara kaum yang terdapat di Sabah adalah Kadazan Dusun yang merupakan etnik terbesar di Sabah, Murut dan Bajau yang merupakan etnik kedua dan ketiga terbesar di Sabah. Selain daripada itu, suku kaum lain seperti Bisaya, Melayu Brunei, Bugis, Kedayan, Lotud, Lundayeh, Rungus, Suluk, Minokok, Bonggi, Ida'an, dan banyak lagi (Kerajaan Negeri Sabah, 2021) juga terdapat di Sabah. Seterusnya, antara bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi antara satu dengan yang lain adalah bahasa Bajau, Dusun Ranau, Dusun Tambunan, Murut Tagol, Murut Timugon, Rungus dan sebagainya.

Suku kaum Murut merupakan salah satu etnik terbesar di negeri Sabah. Istilah Murut di Sabah adalah merujuk kepada sekumpulan penduduk yang tinggal di tanah tinggi atau lereng bukit. Istilah ‘Murut’ adalah berasal daripada perkataan purut iaitu yang bermaksud berian. Selain daripada itu, perkataan purut adalah diperoleh daripada perkataan burut yang mana bermaksud sejenis tumbuh-tumbuhan berubi. Ia adalah kegemaran masyarakat kaum Murut. Gelaran Murut juga datang daripada pendatang luar. Sebelum adanya perkataan Murut ini, suku etnik ini mempunyai banyak gelaran. Antaranya adalah, “*Hill People*” yang mana bermaksud masyarakat tinggal di lereng bukit dan “*Man of Wood*” iaitu lokasi kediaman di kawasan hutan rimba. Hal ini kerana, ia merujuk kepada kawasan tempat tinggal yang didiami oleh kaum tersebut. Kini, suku kaum ini telah dikenali sebagai suku kaum Murut.

Dari sudut geografinya, Suku kaum Murut tinggal di kawasan pedalaman Sabah khususnya di Barat Daya Sabah. Kebiasaannya, suku kaum Murut ini tinggal dan menghuni di Kawasan Tenom, Keningau dan juga Pensiangan. Suku kaum ini biasanya tinggal di rumah panjang dan di lereng bukit serta berdekatan dengan sungai. Walau bagaimanapun, melihat perubahan pada zaman sekarang iaitu di arus pembangunan yang pesat serta moden, secara tidak langsung telah mengubah cara hidup suku kaum ini dan menyebabkan penempatan rumah panjang semakin berkurangan (Mohad, 2005). Sebagai contoh, sesetengah penduduk lebih selesa tinggal di kawasan bandar. Namun, terdapat juga masyarakat yang masih meneruskan serta mengekalkan tradisi mereka seperti yang diwariskan oleh nenek moyang mereka iaitu untuk tinggal di rumah panjang. Dengan berbuat demikian, tradisi ini tidak akan ditelan zaman sekali gus kaum muda dapat mengenali mengenai keunikan kaum Murut ini.

Seterusnya, suku kaum Murut juga mempunyai pecahan-pecahan suku yang banyak sama seperti kaum Kadazan Dusun. Di antara pecahan suku kaum dalam etnik Murut adalah seperti Murut Paluan, Murut Tahol, Murut Timugon, Murut Dalit, Murut Sembakung, Murut Selungai dan lain-lain. Menurut kajian pada tahun 2010, populasi suku kaum Murut di seluruh Sabah adalah sebanyak 102,393 orang. Kebanyakan Suku Kaum Murut menetap di kawasan pedalaman Sabah seperti Tenom, Nabawan, Pensiangan, Keningau dan juga Tambunan (Borham, 2016). Tambahan pula, Kaum Murut mempunyai kebudayaan, agama, kepercayaan serta warisan seni tersendiri. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, iaitu pada tahun 2010, mencatatkan bahawa agama Kristian adalah agama yang paling dominan bagi etnik Murut dan diikuti dengan agama Islam, Buddha, Hindu, Cina dan lain-lain. Terdapat juga penduduk yang tidak mempunyai agama (Marinsah, 2020).

Selain daripada itu, terdapat kepercayaan tradisional suku kaum Murut yang menjadi warisan daripada nenek moyang mereka. Antaranya ialah kepercayaan terhadap semangat ghaib. Ia adalah kepercayaan tradisional dari Murut Tahol yang berunsurkan perubatan, dan dikatakan bahawa setiap tumbuh-tumbuhan boleh digunakan sebagai ubat-ubatan yang mana tumbuhan

tersebut mempunyai penjaganya atau semangat tersendiri. Ia dapat membantu dalam mengubati segala penyakit yang dihadapi dan mempunyai cara-cara yang khas untuk meminta bantuan daripada semangat ghaib tersebut (Nassir, 2017). Sebagai contoh, semangat itu akan membantu menyembuhkan pesakit tersebut dengan cara memberitahu punca seseorang itu menghidapi penyakit yang dihadapi.

Pada suatu ketika dahulu terdapat kepercayaan kaum Murut iaitu memburu kepala. Hal ini kerana mengumpul kepala musuh adalah tradisi yang sangat penting dalam kepercayaan kerohanian orang Murut dan etnik kaum ini adalah kaum yang terakhir dalam membuat amalan memburu kepala (Kerajaan Negeri Sabah, 2021). Sebagai contoh, amalan pemburuan kepala dalam kalangan kaum Murut ini berkait rapat dengan tradisi perkahwinan yang menghendaki pengantin lelaki mempersembahkan sekurang-kurangnya satu kepala yang dipenggal kepada keluarga pengantin perempuan. Ia adalah sebagai menunjukkan bahawa lelaki tersebut gagah berani. Selain itu, aktiviti pemburuan kepala juga dijalankan bertujuan untuk upacara kerohanian, di mana kepala mangsa akan diletakkan pada atas jambatan besar bagi memastikan jambatan tersebut tahan lama. Ia adalah serupa dengan penanaman tengkorak mangsa di sawah padi untuk menyuburkan tanah di kawasan padi. Selain itu, kepercayaan ini dilakukan untuk berjumpa dengan roh datuk moyang iaitu Aki Kaulung. Aki Kaulung merupakan semangat yang dipercayai oleh Kaum Murut Tahol, kerana mereka mempercayai bahawa Aki Kaulung adalah pencipta bagi tumbuh-tumbuhan, haiwan, matahari, bulan, manusia dan sebagainya. Dengan ini, mereka mempercayai bahawa ia akan meningkatkan kuasa roh dalam diri dan boleh membantunya (Borham, 2016). Sehingga ke hari ini, suku kaum Murut masih menyimpan kepala-kepala ini dalam rumah panjang sebagai tanda bahawa pemburuan kepala pernah dilakukan pada ketika dahulu tetapi ada juga yang telah menanamnya. Dengan demikian, amalan ini sudah lama ditinggalkan kerana terdapat kawalan pihak berkuasa di kawasan pedalaman (Shakirin, (2021).

### Sorotan Kajian

Sebelum kajian ini dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan sorotan kajian terhadap tajuk kajian yang hendak dijalankan iaitu *Rekayasa Dakwah Terhadap Masyarakat Suku Kaum Murut Di Sabah: Satu Analisis*. Dalam kajian Mokhtar et al. (2021b) bertujuan untuk melihat rekayasa dakwah dalam kalangan mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi kursus umum universiti iaitu Penghayatan Etika dan Peradaban (PEDP) dari sudut penerimaan dakwah dan keselesaan mereka dalam menerima teguran dan nasihat. Kajian Hajimin et al (2021) pula bertujuan mengkaji proses dakwah dan impaknya terhadap perubahan komposisi Muslim di negeri Sabah, manakala kajian Mokhtar et al. (2022a) bertujuan untuk mengetengahkan kepentingan ilmu dakwah terhadap pendakwah masa kini menurut perspektif Muhammad al-Ghazali dalam Kitab Fiqh al-Sirah.

Dalam aspek kaedah dakwah, kajian Mokhtar et al. (2023b) pula bertujuan untuk melihat keutamaan dakwah bi al-Nafs sebagai pemangkin penularan virus mazmumah dalam kepimpinan diri seseorang. Bagi dakwah bil akhlak pula, kajian Mokhtar et al. (2021e) bertujuan untuk melihat dakwah bil akhlak kontemporari seseorang usahawan dapat memenuhi konsep keusahawanan Islam serta bentuk-bentuk akhlak yang dikehendaki oleh Islam bagi seseorang usahawan. Terdapat juga kajian dakwah yang dijalankan ke atas sajak dan filem. Kajian Mokhtar et al. (2021c) pula bertujuan untuk melihat nilai moral dalam sajak “Ke Makam Bonda” dari aspek bahasa, nilai dan struktur menerusi teori relevans. Selain itu, pengkaji turut melihat hubungan antara bahasa, nilai dan struktur dalam bait-bait sajak tersebut dikaitkan dengan unsur-unsur dakwah sehingga ia mendatangkan kesedaran kepada pendengar. Selain

itu, dakwah menerusi filem turut dikaji oleh Gunaish et al. (2024) yang bertujuan untuk mengetahui peranan filem dokumentari terbitan Unit Filem Malaya (MFU) dan Filem Negara Malaysia (FNM) sebagai medium dakwah di Malaysia dan luar negara dari tahun 1957 hingga 1970. Kajian Mokhtar et al. (2023a) bertujuan untuk melihat peranan media digital dalam menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum untuk saling menerima pandangan dan buah fikiran masyarakat lain dalam sesuatu perkara. Selain itu, kajian ini juga turut melihat faktor-faktor yang menjadi kekangan kepada media kontemporari dalam membentuk kesepadan nasional di Malaysia. Kajian Mukhtar & Wan Muhyuddin (2025) bertujuan untuk meneliti cabaran yang dihadapi oleh pendakwah Islam dalam menyampaikan mesej dakwah melalui media sosial, khususnya apabila kandungan mereka ditapis oleh sistem kecerdasan buatan (AI) yang digunakan oleh platform digital utama seperti *YouTube*, *TikTok* dan *Facebook*.

Kajian berkaitan dengan pendekatan dakwah turut dijalankan oleh Mokhtar et al. (2019) yang bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan pelaksanaan dakwah JHEAINS di Penjara Sandakan. Selain itu, kajian literatur dakwah terhadap etnik juga dijalankan oleh Mokhtar et al. (2021d) bertujuan untuk melihat landskap kehidupan etnik Sungai, reaksi etnik Sungai terhadap ajaran Islam, faktor-faktor etnik Sungai memeluk Islam dan implementasi dakwah yang sesuai dilaksanakan terhadap etnik Sungai di Sabah. Kajian Mokhtar et al. (2021a) melihat pengaruh kepimpinan pengamal adat kaum Suluk dalam pengamalan ritual kematian serta pantang larang dan pengaruh kepimpinan pengamal adat suku kaum Suluk dalam masyarakat sewaktu berlakunya sesuatu kematian di Sandakan, Sabah.

Selain itu, kajian berkaitan Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk di Sandakan Menurut Pandangan Syarak turut dijalankan oleh Mokhtar et al. (2022b) yang bertujuan untuk mengenal pasti adat dan ritual semasa kematian dan selepas kematian yang diamalkan oleh masyarakat Suluk di Sandakan serta melihat pengamalan adat dan ritual kematian tersebut dari kaca mata Islam. Kajian Mokhtar et al. (2025) bertujuan untuk melihat implementasi dakwah yang sesuai diaplikasikan oleh pendakwah terhadap masyarakat Bugis di Sabah yang masih berpegang teguh dengan amalan adat dan ritual nenek moyang mereka sebelum ini. Kajian Shukri et al. (2025a) bertujuan untuk menganalisis pendekatan dakwah yang diguna pakai serta keberkesanannya dalam menyampaikan mesej Islam secara berhemah dan berstrategi dalam Program Amali Dakwah IPDAS.

Kajian berkaitan adat perkahwinan dalam Masyarakat di Sabah turut dikaji oleh para sarjana. Kajian Ramlie et al. (2022) bertujuan untuk membentangkan satu penceritaan secara umum tentang citra etnik Suluk serta adat perkahwinan yang diamalkan oleh mereka. Manakala kajian Azman et al. (2024) pula menganalisis adat-adat pra perkahwinan masyarakat Suluk menurut perspektif Islam. Kajian Hajimin et al. (2022) pula membahaskan impak migrasi golongan agamawan terhadap perubahan adat dan budaya masyarakat Islam di Sabah. Seterusnya kajian Pullong et al. (2023) bertujuan mengkaji bentuk-bentuk kepercayaan dan pengamalan masyarakat Bajau dalam mendepani dua bulan yang dianggap sial iaitu bulan Muharam dan Safar.

Kajian prospek dan cabaran implementasi dakwah turut dijalankan oleh Mokhtar et al. (2021f) yang bertujuan untuk menganalisis prospek dan cabaran implementasi dakwah menerusi media kontemporari sebagai kayu ukur kepada kejayaan dakwah masa kini. Kajian Shukri et al. (2025b) bertujuan untuk mengenalpasti pendekatan dakwah yang sesuai digunakan dalam program amali dakwah, melihat cabaran yang dihadapi semasa menjalankan program amali dakwah serta cadangan penambahbaikan dalam program amali dakwah di Kampung Mesilou,

Kundasang. Seterusnya kajian Monib et al. (2025) bertujuan untuk meneliti cabaran serta strategi implementasi dakwah yang dihadapi oleh para peserta Program Amali Dakwah IPDAS 2024 yang dilaksanakan di daerah Beaufort, Sabah. Berdasarkan kepada sotortan kajian tersebut, pengkaji belum menemui kajian rinci berkaitan rekayasa dakwah terhadap Masyarakat Murut di Sabah dan ia sangat relevan untuk dikaji.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menekankan kepada pengumpulan data melalui bahan bercetak dan penyertaan langsung dalam landskap sosial komuniti Murut. Kaedah keperpustakaan diaplikasikan melalui rujukan terhadap sumber-sumber seperti artikel jurnal, buku ilmiah, laporan, dan akhbar yang berkaitan dengan masyarakat Murut serta amalan adat dan budaya mereka. Kaedah ini bertujuan untuk memahami latar belakang teori serta pandangan ilmiah yang telah dikemukakan oleh para penyelidik terdahulu mengenai topik yang dikaji (Creswell & Poth, 2018).


Di samping itu, kaedah pemerhatian turut serta (*participant observation*) digunakan secara aktif dalam kalangan masyarakat Murut bagi membolehkan pengkaji menyaksikan sendiri pelaksanaan adat, upacara ritual, serta interaksi sosial yang berlaku dalam komuniti tersebut. Pendekatan ini bukan sahaja memperkasa pemahaman pengkaji terhadap konteks budaya yang sedang dikaji, malah turut memudahkan proses mendekati komuniti sasaran, iaitu golongan Murut, dalam cara yang lebih empati dan autentik (Emerson, Fretz, & Shaw, 2011). Data yang diperoleh melalui pemerhatian, penyertaan aktif dan temu bual tidak formal dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti corak atau elemen utama dalam pelaksanaan adat dan dakwah yang sesuai dengan realiti masyarakat Murut. Hasil analisis ini kemudiannya digunakan untuk membentuk cadangan rekayasa dakwah yang sesuai dengan latar sosial, budaya dan kepercayaan Mad'u, iaitu masyarakat Murut itu sendiri (Merriam & Tisdell, 2016).

### **Konsep Adat Dalam Masyarakat Murut**

Negeri Sabah adalah merupakan negeri yang kaya dengan budaya, bangsa dan agama. Kaum di sabah adalah terdiri daripada 32 kaum seperti kaum Dusun, Kadazan, Murut, Rungus, Bajau, Iranun, Sungai, Suluk, Bisaya dan kaum bumiputera lain (Berita Harian, 2015). Suku kaum berbangsa Murut merupakan salah satu Etnik yang ada di Negeri Sabah. Kaum Murut mempunyai adat istiadat sendiri sama juga seperti kaum-kaum lain yang ada di Sabah seperti yang kita boleh lihat dari segi adat perkahwinan, adat kelahiran, dan adat kematian. Adat merupakan suatu kebiasaan yang diamalkan dilihat dari sisi peraturannya untuk dituruti sebagai contoh, hukum, undang-undang atau resam yang diamalkan dan diturunkan amalannya, turun temurun dari generasi ke generasi seterusnya.

Setiap kaum yang ada di bumi ini pasti mempunyai adat yang diamalkan dan dilakukan dalam kehidupan mereka apatah lagi di negara kita Malaysia yang terkenal dengan kepelbagaiannya kaum, bangsa dan agama. Setiap kaum atau bangsa pasti mempunyai adat dan kepercayaan masing-masing. Menurut Mokhtar et al., (2021d), landskap kehidupan etnik Sungai di Sabah tidak jauh bezanya dengan etnik-etnik lain seperti Murut. Malahan, ada sesetangah adat dan ritual dalam kehidupan mereka telah bercampur aduk dengan etnik yang ada. Perkataan Adat atau “*Adah*” yang berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud tingkah laku atau perbuatan seseorang yang dilakukan berkali-kali sehingga menjadi suatu perlakuan kebiasaan harian (Marzali, 2012). Menurut Azman et al., (2024), adat merupakan satu peraturan yang menjadi pegangan masyarakat tradisional dalam memurnikan kehidupan mereka serta tidak mempunyai satu dokumen yang tersusun untuk diikuti atau dipatuhi. Adat merupakan sesuatu

yang dipelajari daripada generasi terdahulu dalam masyarakat untuk di bawa ke generasi berikutnya bagi memastikan kesinambungan sesebuah masyarakat.



**Rajah 1: Perbincangan Konsep Adat Dalam Masyarakat Murut**

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

Dalam konsep adat masyarakat Murut ini, tiga bentuk adat akan diketengahkan sebagai perkongsian kepada khalayak pembaca. Adat-adat yang akan disentuh adalah berkaitan dengan adat perkahwinan, adat kelahiran dan adat kematian. Kupasan adat-adat tersebut adalah seperti berikut.


### **Adat Perkahwinan**

Perkahwinan adalah proses menjalin hubungan yang mengikat antara dua orang yang berpasangan secara sah atau acara keagamaan. Menurut Abd. Rashid & Wan Ismail (2012) perkahwinan adalah merupakan hubungan sah yang disimpulkan melalui upacara sivil atau keagamaan antara dua orang yang ingin hidup bersama sebagai pasangan seksual dan ingin bersekedudukan bersama. Ianya adalah merupakan asas kehidupan keluarga dan masyarakat dan hanya melalui perkahwinan, lelaki dan wanita dapat menjalin hubungan intim. Adat istiadat di dalam perkahwinan etnik murut bermula daripada adat merisik (*Pamalaan*), adat pertunangan (*Antamong*), adat perkahwinan (*Ahuot*), dan yang terakhir adat menghantar berian akhir (*Tinauh*). Bagi (Pulut) berian, Hantaran atau mas kahwin yang harus sediakan oleh pihak lelaki mengikut adat, sebagai contoh berian seutas manik dan sehelai kain diberikan pada Hari *Pamalaan*, dua utas Manik, dua helai kain, dua utas *bungkas* atau Tali pinggang Wanita dan sebuah Tawak ataupun Gong sebagai berian dalam upacara *Antamong*, setiap dua barang di sini melambangkan dua jiwa yang ingin bersatu dalam sebuah keluarga dan Gong melambangkan keluarga yang bahagia dan selamat manakala pada hari “*Ahuot*” dan *Tinauh* berian adalah Tawak dan *Tajau* ataupun tempayan.

Upacara “*Pamalaan*” merupakan adat merisik dalam masyarakat Murut. Seorang wakil daripada pihak lelaki dihantar untuk berkunjung ke rumah keluarga pihak perempuan bagi menyatakan hasratnya dan memberikan berian sebagai tanda merisik. Jika pihak perempuan bersetuju mereka akan menyimpan barang tersebut jika tidak mereka akan mengembalikan barang (berian) tersebut.

Manakala upacara “*Antamong*” pula merupakan acara pertunangan di mana rombongan keluarga dan ketua kampung dari pihak lelaki datang membawa berian dan dalam upacara ini juga tarikh perkahwinan akan dibincangkan dan ditetapkan. Bagi upacara “*Ahuot*” iaitu upacara perkahwinan suku kaum Murut, berian yang dibawa oleh pengantin lelaki akan diletakkan di tengah-tengah keluarga pihak pengantin perempuan untuk dinilai dan disahkan oleh pihak pengantin perempuan. Berian bagi suku kaum murut boleh dibuat secara beransur-ansur dan baki berian akan dilakukan mengikut kemampuan lelaki dari masa ke semasa. Setelah sah penerimaan pulut daripada pihak pengantin, kedua pengantin diminta minum tapai bersama-sama dan setelah itu sah perkahwinan mereka. Upacara ini akan dilakukan selama 7 hari dan upacara ini juga dilakukan secara besar besaran kerana mereka mempercayai majlis yang besar membawa tetamu yang ramai dan tetamu yang ramai akan membawa rezeki. Upacara yang terakhir adalah “*Tinauh*” iaitu berian akhir atau upacara menyerahkan pulut terakhir. Upacara ini juga akan dibuat secara besar besaran, orang tengah akan dilantik oleh pihak lelaki dan dia digelar sebagai *Angkaunan*.

Selepas itu, tarikh yang sesuai akan dipilih dan ini akan mengambil masa 30-60 hari untuk memutuskan pemilihan tarikhnya dan apabila tarikh sudah diputuskan pihak perempuan akan memberikan kalender daripada rotan iaitu “*Tibuku*” kepada pihak sebelah lelaki. Pada hari upacara, ketua rombongan lelaki iaitu “*Apahalal*” akan membela sebatang buluh berisi air dinamakan *Tuntuluk* sebaik sahaja sampai dengan membawa semua berian untuk dipersembahkan kepada pihak perempuan. Setelah itu, kata-kata semangat dilafazkan dari pada si lelaki yang melambangkan kekuatan dan kehebatan keluarganya dan barulah meneruskan dengan acara sanding dan jamuan makan besar yang disediakan oleh keluarga. Akhir sekali, penyerahan pulut daripada pihak lelaki dilakukan diketuai oleh “*Apahalal*” dan orang-orang tua daripada pihak perempuan akan memastikan pulut yang diberikan adalah sempurna. Bagi suku kaum Murut mereka tidak menggalakkan memberikan pulut secara penuh dengan adanya upacara Tinauh, bayaran berian secara ansur dapat dirasakan walaupun dalam usia yang tua bagi kedua belah pihak, adat harus diteruskan dan diamalkan (Mohad & Mokhtar, 2017).



**Rajah 2: Ringkasan Adat Perkahwinan Dalam Masyarakat Murut di Sabah**

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

Adat perkahwinan dalam Masyarakat Murut ini tidak banyak bezanya dengan adat suku kaum lain di Sabah. Menurut Mokhtar et al., (2021d) dalam adat perkahwinan masyarakat Suluk, adat-adat dalam perkahwinan termasuklah adat *jarum-menjarum* atau lebih dikenali sebagai adat merisik, adat *menawo* atau dikenali sebagai adat meminang, adat *mengossur* atau dikenali sebagai adat hantaran, majlis malam berinai akan dijalankan dan dikenali sebagai *Gabbpie Tullau* dalam etnik Sungai dan majlis pernikahan (*Nagnikah*). Penggunaan istilah dalam suku kaum sahaja yang berbeza manakala pelaksanaan adatnya adalah hampir sama.

### **Adat Kelahiran**

Menyambut kelahiran seseorang adalah suatu perkara yang sangat bermakna buat sesebuah keluarga. Pasangan yang dikurniakan anak pasti merasa sangat bahagia dengan kelahiran zuriat yang mereka nantikan. Pebagai bentuk dan cara yang akan dizahirkan oleh setiap pasangan apabila menantikan kehadiran bayi dan penghibur hati mereka mengikut adat dan kehendaknya. Namun begitu, setiap kaum pasti mempunyai adat pantang larang sebelum, semasa dan selepas melahirkan anak. Bagi adat suku kaum Murut tiada adat yang ditetapkan tetapi mereka mempunyai beberapa pantang larang setelah bayi dilahirkan, iaitu dari segi penamaan. Bagi masyarakat etnik Murut, bayi telah yang dilahirkan tidak akan diberi nama dengan segera. Hal adalah disebabkan bagi mengelak daripada perkara yang buruk berlaku kepada bayi sebagai contoh kematian. Masyarakat suku kaum Murut sangat mementingkan pemilihan nama dan sebahagian besar nama yang diberikan kepada anak atau seseorang adalah berdasarkan alam semula jadi atau peristiwa tertentu dalam masa kehidupannya. Selain itu, pertukaran nama dalam suku kaum Murut boleh dibuat berkali-kali bergantung kepada keadaan semasa yang berlaku di sekeliling misalnya seseorang itu sering sakit atau seseorang telah meninggal, dan dalam masa yang sama namanya tidak sengaja sama, maka bagi suku Kaum Murut mereka harus menukar namanya untuk mengelakkan perkara yang sama berlaku atau terjadi.

### **Adat Kematian**

Kematian merupakan suatu kejadian yang sedih telah berlaku dalam kehidupan membabitkan kehilangan ahli keluarga atau seseorang yang dikenali. Adat kematian bagi Etnik suku kaum Murut, jika seseorang meninggal gong akan di palu dan merupakan pemberitahuan kepada seluruh masyarakat ada di sekitar. Suatu ketika dahulu, boleh dikatakan majoriti daripada suku etnik yang ada di Sabah menggunakan gong sebagai agen penyebaran sesuatu kematian. Namun, perkembangan teknologi telah mengubah segalanya. Menurut Mokhtar et al., (2022b), masyarakat Suluk mengamalkan adat *Balu-balu* bertujuan untuk mengumpulkan ahli keluarga bagi memberi penghormatan terakhir kepada si mati sebelum dia dikebumikan. Pada masa dahulu, masyarakat Suluk menggunakan paluan gong bagi menyebarkan berita kematian seseorang tetapi pada masa kini mereka menggunakan teknologi seperti penggunaan media sosial *WhatsApp*, *telegram*, *facebook*, *instagram* dan sebagainya.

Bagi upacara menyemadikan si mati, pertama sekali mayat si mati akan akan disimpan atau diletakkan di dalam tajau pilihan si mati sewaktu hidupnya. Menurut suku kaum Murut mempercayai akan semangat yang ada di dalam tajau. Tajau mempunyai semangat “*Kaansayan*” tinggal dan mendiami di dalam tajau iaitu semangat keharmonian. Barang milik si mati turut disimpan bersama dengan si mati di tempat penyimpanan Tajau atau pondok dihiasi bunga “*Ingvun*” diperbuat daripada kayu. Masyarakat Murut mempercayai semangat yang ada pada barang-barang si mati akan sentiasa mengikuti semangat roh si mati. Selepas upacara pengebumian, keluarga si mati akan menjalani pantang. Tempoh pantang adalah berdasarkan jantina si mati 7 hari bagi lelaki dan 4 hari bagi perempuan. Jika tidak mengikut

pantang larang tersebut seseorang itu akan di “*Sogit*” atau denda. Setelah habis tempoh pantang, upacara keramaian dan upacara 100 hari akan diadakan. Acara ini adalah untuk memperingati si mati dan penghormatan terakhir, keluarga si mati diberikan tajau, manik atau kain sebagai simbolik penghormatan terhadap si mati (Mohad, 2005).

Menurut Jampadin (2024), sebelum upacara buka pantang dilakukan pada sebelah malam, ahli keluarga akan berkumpul di Kuburan si mati pada sebelah pagi bagi upacara Sabung Ayam sebagai tanda memberikan penghormatan terakhir untuk si mati. Sebelah malamnya pula, upacara buka pantang 100 hari ini akan dimulai dengan membuka gambar si mati yang ditutup dengan kain dan semua ahli keluarga akan duduk di depan bagi melihat upacara tersebut. Selepas itu, beberapa orang akan memakai baju si mati dan melakonkan gaya dan aktiviti si mati semasa hidup. Sekiranya si mati tu seorang lelaki dan meninggalkan isteri, maka si isteri yang telah menjadi Balu itu akan diberikan kain atau pun duit oleh orang kampung yang menghadiri upacara tersebut sebagai tanda memberikan semangat kepada si Balu yang ditinggalkan. Majlis memperingati si mati atau keduri arwah ini berbeza mengikut kepercayaan sesuatu kaum. Sebagai contoh, Masyarakat Suluk akan mengadakan majlis kenduri arwah pada hari ke 3, hari ke 7, hari ke 20, hari ke 40 dan hari ke 100 kematian (Yunus, 2021).

### **Rekayasa Dakwah Terhadap Suku Kaum Murut di Sabah**

Menurut Kamus Dewan (2015:1305), rekayasa bermaksud penerapan unsur-unsur ilmu, budaya dan sebagainya dalam perancangan, mekanisme kerja dan lain-lain sebagai asas melaksanakan sesuatu. Menurut Mokhtar et al., (2021b) rekayasa dakwah membawa maksud penerapan unsur-unsur ilmu dakwah yang sesuai dengan keadaan, situasi dan kehendak penerima dakwah agar dakwah yang dijalankan dapat diterima dengan hati yang terbuka. Penerapan unsur-unsur ilmu atau rekayasa dakwah perlu dimiliki oleh setiap pendakwah (Mokhtar et al., 2023a) sebelum mereka turun ke kancang realiti kehidupan dakwah. Ia bertujuan supaya agenda dan matlamat dakwah yang dibawa tersebut dapat diterima dan terkesan ke lubuk sanubari golongan sasaran dakwahnya. Tanpa penguasaan rekayasa dakwah terlebih dahulu, kemungkinan besar seseorang pendakwah itu tidak akan memperoleh kejayaan dan cita-cita yang diigaukan. Pada hakikatnya, ilmu dakwah adalah suatu aset yang sangat penting dalam kelengkapan diri seorang pendakwah. Melaksanakan dakwah tanpa mengenal dan menguasai ilmu dakwah adalah satu perbuatan yang sia-sia. Menguasai ilmu dakwah juga menjadi intipati utama dalam keberkesanan sesuatu dakwah yang akan dijalankan oleh seseorang (Mokhtar et al., 2022a).

Salah satu kaedah pendekatan dakwah terhadap suku kaum Murut di Sabah adalah dengan membina hubungan sosial yang baik dengan mereka (Borham, et al., 2017). Mewujudkan hubungan baik dengan golongan kaum Murut merupakan salah satu kaedah yang dapat mendatangkan kesan positif dalam dakwah. Menurut Mokhtar et al. (2023c) dari sudut persaudaraan Islam, al-Quran dan al-Sunnah memberikan pesanan dan menganjurkan agar sesama Muslim haruslah sentiasa menjaga persaudaraan antara satu sama lain. Hubungan yang baik akan membolehkan golongan kaum Murut berasa mesra, percaya dan terpaut dengan dakwah serta mengurangkan perselisihan faham terhadap Islam. Antara pendekatan yang dapat dilakukan bagi membolehkan hubungan baik dengan masyarakat Murut dibina adalah sentiasa menziarahi mereka dan memberikan hadiah atau buah tangan ketika bersua. Hal ini penting bagi membolehkan mesej Islam dapat disampaikan kepada golongan kaum Murut dan dapat mewujudkan kemesraan dengan mereka, mengukuhkan hubungan serta menolak sebarang prejudis.


Dalam melakukan pendekatan dakwah terhadap suku kaum Murut di Sabah, pendakwah haruslah memahami persekitaran dan psikologi golongan kaum Murut (Borham, et al., 2017). Dengan mengetahui persekitaran dan psikologi kehidupan golongan Murut dapat membolehkan pendekatan dakwah yang tepat dan berkesan. Menurut Mokhtar et al., (2021g), bagi seseorang pendakwah, sebelum seseorang itu melaksanakan aktiviti dakwah, seseorang itu hendaklah terlebih dahulu membekalkan diri mereka dengan kemahiran berkomunikasi. Kemahiran berkomunikasi seperti bertutur dengan fasih, lancar dan teratur serta menggunakan laras bahasa yang sistematis kerana ini menunjukkan kenyakinan seseorang mengenai perkara yang sedang diperkatakan. Pendakwah harus memahami etika dan budaya golongan kaum Murut agar dapat mengelakkan pendakwah membuat perkara yang dapat mencetuskan konflik dengan golongan kaum Murut. Hal ini adalah penting bagi membolehkan hubungan mereka dengan pendakwah sentiasa dalam keadaan yang baik.

Seterusnya, pendakwah juga dapat menggunakan komunikasi yang berhemah dalam melakukan dakwah mereka. Komunikasi yang bersifat lemah lembut dapat mengurangkan perselisihan faham dan mampu menimbulkan rasa mesra. Hal ini juga penting bagi menyampaikan mesej Islam dengan berkesan kepada mereka. Tambahan pula, masyarakat Murut khususnya di kawasan pedalaman mempunyai latar belakang kehidupan yang kasar. Oleh yang demikian, sifat kasar yang terdapat dalam masyarakat Murut harus didekati dengan sifat sebaliknya iaitu lemah lembut dan mampu menyentuh hati mereka. Namun, jika kita mendekatkan diri dengan mereka secara persendirian, bersama ahli keluarga terdekat atau sahabat rapat yang turut ingin membantu proses penyebaran dakwah ini bagai menarik rambut di dalam tepung dan menetap di tempat mereka selama beberapa hari, kita dapat lebih memahami cara berfikir dan amalan sehari-hari mereka. Dengan cara ini, mereka dapat merasakan kesungguhan dan keberanian kita untuk menyebarkan dakwah di tempat mereka. Hal ini dapat menarik perhatian masyarakat di sana dan menyentuh perasaan mereka hingga membuatkan mereka tidak salah faham tentang tujuan kehadiran kita di sana.

Selain itu, rekayasa dakwah terhadap masyarakat Murut seterusnya adalah tidak terlalu membahaskan berkaitan agama sepanjang aktiviti dakwah dijalankan. Fokus utama dakwah sememangnya untuk menyeru kepada Islam, namun dalam konteks berdakwah kepada Masyarakat Murut, kita perlulah menonjolkan terlebih dahulu perkara-perkara yang disarankan oleh agama Islam terhadap mereka, dan tidak terus menerus mempersoalkan hak beragama. Sebagai contoh, bertegur sapa dengan mesra seperti bertanya khabar, soal makan dan minum, anak-anak dan sebagainya agar dapat mengakrabkan lagi hubungan dan mengurangkan jurang antara kaum. Namun apabila mereka bertanya soal agama, barulah kita menjelaskan dengan jelas dan baik kepada mereka. Kita tidak boleh memaksa mereka untuk menerima dakwah secara terus menerus kerana sesuatu yang baik tidak perlu dipaksa. Keikhlasan mereka dalam menerima dakwah memberikan impak yang lebih baik terhadap kaum tersebut.

Akhir sekali adalah menerusi pendekatan kemudahan infrastruktur khususnya melalui pembinaan. Di antara pembinaan kemudahan infrastruktur yang sesuai dibangunkan adalah seperti sekolah agama dan masjid. Ini kerana, antara sebab penduduk kaum Murut tidak terdedah dengan agama ialah kesukaran mendapatkan sumber ilmu kerana kedudukan tempat tinggal mereka yang jauh dari penempatan bandar. Melalui pendedahan beragama kepada murid-murid sekolah, mereka akan menjadi generasi yang akan terus menyebarkan dakwah agama kepada penduduk kaum di sana (Abdullah et al., 2016). Selain itu, pembinaan masjid juga memberikan impak yang sangat besar kepada kesedaran beragama kaum Murut. Dengan adanya masjid, masyarakat akan lebih mudah untuk berkumpul dan melakukan aktiviti ibadah

bersama-sama. Mereka juga turut boleh bertukar pendapat dan bertanya soalan berkaitan agama kepada para agamawan yang bertanggungjawab terhadap masjid tersebut. Bukan itu sahaja, pembinaan surau di kawasan yang terpencil juga sangat membantu kerana jika masjid terlalu jauh, mereka turut melakukan ibadah solat secara berjemaah dan bersama-sama mempelajari ilmu agama sesama mereka. Maka, dapatlah mereka memahami islam dengan lebih dalam dan menghayati keindahan agama (Borham et al., 2016). Rajah 3 berikut merupakan ringkasan rekayasa dakwah terhadap suku kaum Murut di Sabah.



**Rajah 3: Ringkasan Rekayasa Dakwah Terhadap Suku Kaum Murut**

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

### **Cabarannya Pendekatan Dakwah Terhadap Suku Kaum Murut Di Sabah**

Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi untuk melaksanakan pendekatan dakwah terhadap suku kaum Murut. Pada era kini, maklumat – maklumat berkaitan dengan agama begitu mudah untuk dicapai (Talib et al., 2017). Ramai telah menggunakan sumber internet sebagai sumber utama pembelajaran mereka. Walau bagaimanapun, sumber maklumat ini bukanlah semuanya tepat dan benar, bahkan ia seringkali dimanipulasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengikut kehendak dan keperluan hati mereka. Menurut Mokhtar et al. (2022c), pemilihan *Facebook* sebagai medium untuk membentuk kesepadan nasional adalah disebabkan dalam komuniti *Facebook* ataupun dalam ‘dunia’ *Facebook* tidak mempunyai had untuk berinteraksi dan komunikasi antara satu sama lain. Semua pengguna diberi kebebasan untuk berkongsi, mendapatkan maklumat dan juga menyebarkan informasi yang terkini. Pengaruh yang matang, platform yang stabil serta pengguna yang ramai, merupakan antara sebab asas pemilihannya. Namun, pendakwah perlu bijak menjadikan *Facebook* sebagai medium penyebaran dakwah bukan hanya kepada masyarakat Murut, bahkan kepada seluruh masyarakat di Malaysia.

Kemunculan laman *website* seperti *Facebook*, *Blog* dan *Twitter* telah mengubah maksud dan penjelasan terhadap agama tersebut. Ini akan menyebabkan kaum Murut akan mengamalkan kepercayaan yang palsu dan tidak betul. Selain itu, mereka akan mempunyai perspektif yang berbeza terhadap agama tersebut (Meerangani et al., 2013). Hal ini akan menyebabkan segolongan kaum Murut untuk tidak mempercayai agama tersebut dan menyebabkan mereka tidak mengamalkan agama ini. Laman web seperti *Facebook*, terdapat ramai yang membuat “*post*” tentang perkara agama yang palsu dan kepada yang tiada mempunyai pendekatan dakwah akan mempercayai perkara ini. Terang lagi bersuluh bahawa maklumat di internet tidak

boleh dipercayai dengan begitu sahaja tetapi kepada individu yang tidak mempunyai pendekatan dakwah akan mula mempercayai perkara ini.

Di samping itu, pengurusan dakwah yang dilaksanakan oleh pendakwah masih menggunakan cara lama dan lapuk (Jalal et al., 2018). Masalahnya di sini, terdapat banyak kelemahan dalam dakwah kerana masih menggunakan kaedah yang lama dan sama. Sebagai contoh kelemahan dalam dakwah ialah kelemahan dalam sistem, kaedah dan kemudahan yang digunakan untuk melakukan dakwah. Hal ini kerana organisasi dakwah yang tidak tersusun tambahan lagi kerjasama antara organisasi ini kurang memuaskan terutamanya dalam usaha pendekatan dakwah. Organisasi ini lebih selesa untuk bergerak secara sendirian dan tidak bekerjasama sebagai satu agama (Meerangani et al., 2013). Ini berpunca dari timbulnya perspektif – perspektif berbeza yang akan menyebabkan pendekatan dakwah sukar untuk dilaksanakan untuk kaum Murut di Sabah. Pengurusan dakwah haruslah dilakukan dengan cara profesional supaya pendekatan dakwah akan dilaksanakan dengan sempurna.

Cabaran ketiga ialah pendakwah yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang memberangsangkan (Talib et al., 2017). Masalah ini timbul kerana individu tersebut tidak mempunyai sumber atau alat yang cukup untuk mempunyai pendidikan agama yang baik. Ramai dalam kalangan masyarakat yang masih belum mendapatkan pendidikan agama yang sempurna salah satunya disebabkan kewangan yang tidak mencukupi. Ini akan menyebabkan kecelaruan memahami agama tersebut. Individu tersebut akan mempunyai cara hidup, berfikir dan adat yang berbeza dengan agama lain yang akan menyebabkan kesukaran untuk pendekatan dakwah dilaksanakan kepada mereka. Selain itu, kerajaan tidak membantu dalam pembelajaran agama sepenuhnya dalam kalangan masyarakat ini. Hal ini kerana, kerajaan lebih memfokuskan pembangunan negara dan tidak melihat dari aspek agama dan rohani.

Pendekatan dakwah atau didefinisikan sebagai kegiatan menyebarkan sesuatu kepercayaan menjadi suatu cabaran akibat daripada sumber kewangan yang tidak mencukupi. Boleh dilihat bahawa negara kini melalui perkembangan teknologi moden yang pesat atau modernisasi dan salah satunya adalah perkembangan sains dan teknologi. Pada masa yang sama, gerakan dakwah dijalankan menerusi penggunaan peralatan sains dan teknologi. Namun yang demikian, pendekatan dakwah menerusi teknologi moden terkini memerlukan sumber kewangan yang besar bagi membiayai proses gerakan dakwah antaranya perancangan, aktiviti dan program dakwah. Sumber kewangan yang disalurkan kepada badan-badan gerakan dakwah tidak mencukupi bagi menampung sebarang bentuk kegiatan dakwah di Sabah. Akibatnya, program-program dakwah yang dijalankan amatlah kurang menyebabkan kurangnya pendedahan dakwah terhadap suku kaum Murut.

Selain itu, pengaruh budaya Barat turut menjadi salah satu cabaran dalam pendekatan dakwah terhadap suku kaum Murut. Antara budaya Barat yang telah mempengaruhi masyarakat masa kini ialah budaya punk yang mempengaruhi fesyen remaja, budaya hedonisme, penagihan dadah, gengsterisme serta kegiatan-kegiatan yang bercanggah dengan ajaran agama yang boleh meruntuhkan akhlak masyarakat (Don, & Salamon, 2009) dan (Mokhtar, 2014). Budaya Barat seperti ini telah membuatkan pemikiran masyarakat kaum Murut terpesong. Kecelaruan fahaman yang berlaku boleh menyebabkan budaya Barat menjadi salah satu tabiat dalam kehidupan seharian yang menyukarkan kegiatan dakwah untuk dijalankan. Masyarakat sukar untuk menerima pendekatan dakwah hasil daripada kehidupan mereka yang telah menerima ajaran budaya Barat.

Seterusnya, cabaran yang dihadapi dalam pendekatan dakwah ialah sikap masyarakat terutamanya golongan remaja yang kurang mengambil tahu tentang kegiatan dakwah. Pada era globalisasi kini, internet menjadi salah satu platform bagi pengumpulan maklumat di mana pendekatan dakwah boleh disebarluaskan melalui internet. Namun, kebanyakan masyarakat bukannya menggunakan saluran internet untuk tujuan pendekatan dakwah, tetapi sebagai sumber hiburan bebas yang tidak bermanfaat kepada golongan masyarakat. Masyarakat lebih mudah terjerumus dengan pengaruh media massa dan mula mengabaikan pendekatan dakwah yang dijalankan. Bukan itu sahaja, ibu bapa merupakan golongan yang terpenting bagi mendidik anak-anak mengenai kegiatan dakwah. Namun, kebanyakan ibu bapa lebih terjerumus dengan pekerjaan mereka bagi menyara keluarga sehingga terlupa untuk meluangkan masa bersama anak-anak dan memberi pendedahan dakwah kepada keluarga. Sikap golongan masyarakat seperti inilah yang mengundang kepada cabaran pendekatan dakwah terhadap golongan suku kaum Murut.

Cabaran dalam pendekatan dakwah turut berlaku apabila terjadinya masalah dalam golongan pendakwah contohnya kurang komitmen. Pendakwah merupakan golongan yang dikenali sebagai penggerak masyarakat namun terdapat sekelintir daripada mereka tidak suka berdakwah dan jarang melibatkan diri dalam kegiatan dakwah. Hal ini kerana mereka memegang jawatan sebagai pendakwah hanya sekadar untuk mendapatkan gaji bagi menampung keperluan sehari-hari. Selain itu, terdapat juga pendakwah yang tidak menunjukkan sikap yang betul sebagai seorang pendakwah. Contohnya, ketika sesuatu aktiviti atau program dakwah dijalankan, pendakwah tersebut tidak hadir untuk melibatkan diri dalam program tersebut malah hanya menunjukkan diri pada hari penutup sahaja kerana terdapatnya pegawai atasannya pada hari penutup (Mustapha & Rahman, 2020). Sikap seperti ini akan memberikan contoh yang tidak baik kepada kaum Murut dan membuatkan kaum Murut untuk berfikir dua kali tentang penglibatan mereka dalam aktiviti dakwah. Hal ini akan membawa kepada kesukaran pendekatan dakwah dalam golongan Murut. Rajah 4 berikut adalah ringkasan cabaran pendekatan dakwah terhadap suku kaum Murut di Sabah.



**Rajah 4: Ringkasan Cabaran Pendekatan Dakwah Terhadap Suku Kaum Murut**

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

## Kesimpulan

Era globalisasi ini banyak memperlihatkan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pendekatan dakwah terhadap sesuatu bangsa atau suku khususnya suku kaum Murut di Sabah kerana ia dipengaruhi pelbagai aspek terutamanya melibatkan perubahan dari segi adat dan amalan turun-temurun dari nenek moyang suku kaum ini. Maka, situasi ini pastinya memerlukan kepada sesuatu strategi dan mekanisme dakwah yang lebih ampuh dan fleksibel bagi melancarkan dan menjayakan usaha pendekatan dakwah terhadap suku kaum Murut di Sabah. Oleh hal yang demikian, pemahaman dan penguasaan terhadap cabaran-cabaran semasa ini dapat membantu memudahkan pelaksanaan kaedah-kaedah dakwah agar lebih berkesan kerana pelbagai kemungkinan reaksi-reaksi yang bakal dihadapi dalam mengimplementasikan kaedah dakwah terhadap suku kaum Murut di Sabah. Harapan dalam usaha memberikan pendekatan dakwah terhadap suku kaum Murut di Sabah ini ialah para pendakwah seharusnya memahami keadaan dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat suku kaum Murut agar usaha pendekatan ini dapat diteruskan secara sistematik dan efektif tanpa ada sebarang unsur paksaan. Pihak Kerajaan, Swasta dan badan-badan NGO hendaklah turut serta membantu dalam usaha pendekatan dakwah ini terutamanya memberikan dana bagi menanggung perbelanjaan ataupun kos yang diperlukan dalam usaha menerapkan pendekatan dakwah terhadap suku kaum Murut di Sabah. Hal ini kerana, dana adalah antara faktor atau cabaran yang sering dihadapi oleh para pendakwah seperti kos-kos peralatan dan sebagainya. Selain itu, pihak sekolah iaitu para pendidik-pendidik juga perlulah menjalankan peranan-peranan mereka untuk memperkenalkan dan menerapkan dakwah terhadap kanak-kanak yang bakal mencorak masa depan yang madani.

## Penghargaan

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) serta pihak Global Academic Excellence (GAE) atas penerbitan artikel ini.

## Rujukan

- Abdullah, B., Laki, A. F., Yusoff, Z. dan Mansor, N. S. (2016). *Pelaksanaan Dakwah Kepada Masyarakat Pribumi Sabah Dan Sarawak*. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari 12, 70-82.
- Azman, N. A., Mokhtar, S., Esa, M. S., Thia, K., & Ahmad, M. K. L. (2024). Adat Pra Perkahwinan Masyarakat Suluk Menurut Islam: Kajian di Lahad Datu Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (36), 464-474.
- Berita Harian Online, (Januari 2015), *Etnik di Sabah, Sarawak terima baik status Bumiputera*, 15.
- Borham, A. H., Abdullah, W. H., Abdul Rahim, M. M., & Kamaruzaman, M. A. (2016). Metode dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman suku kaum masyarakat Murut di pedalaman Sabah. *Al-Hikmah*, 8(2), 60-80.
- Borham, A. H., Abdullah, W. H., Ismail, A. M. dan Kadir, F. A. (2017). *Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof dalam Pengislaman Non-Muslim di Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, Sabah*. Jurnal Perspektif: Special Issue 1, 67-78.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Don, A. G. & Salamon, H. (2009). *Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Pendekatan dan Cabaran*. *Al-Hikmah*, 1(1): 39-54.
- Emerson, R. M., Fretz, R. I., & Shaw, L. L. (2011). *Writing ethnographic fieldnotes* (2nd ed.). University of Chicago Press.

- Gunaish, C. F., Abdullah, M. F., Mokhtar, S., Abd Wahab, N., & Tahir, A. (2024). Da'wah through Documentary Films Produced by Malayan Film Unit (MFU) and Filem Negara Malaysia (FNM), 1957-1970. *Intellectual Discourse*, 32(1). <https://doi.org/10.31436/id.v32i1.1949>.
- Hajimin, M. N. H. H., Muis, A., M. R. A., Mokhtar, S., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Hamid, J. A. (2021). Gerakan Dakwah dan Impaknya Terhadap Peningkatan Komposisi Muslim di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 125-139.
- Hajimin, M. N. H., Marinsah, S. A., Mokhtar, S., & Pullong, A. (2022). Migrasi Agamawan dan Impaknya Terhadap Adat Dan Budaya Masyarakat Islam di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 350 - 363.
- Jalal, B., Ismail, A. S. & Ab Ghani, S. (2018), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, *Tinta Artikulasi Membina Ummah 4(1), Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Sorotan* 23 -31.
- Jampadin, A. (2024). 21 November 2024 Tarikh, Upacara Kematian Suku kaum Murut, 52 Tahun. Temu bual, 21 November.
- Kamus Dewan. (2015). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kerajaan Negeri Sabah. (2021, Mei 19). Retrieved from Rakyat dan Sejarah Sabah: <https://www.sabah.gov.my/cms/?q=ms/content/rakyat-sejarah>
- Khairul Azhar Bin Meerangani, Muhammad Asyraf Ahmad Termimi, Rushdi Bin Ramli (2013), E-Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan, *Dakwah terhadap bukan Muslim di Malaysia* 491 – 501
- Marinsah, S. A. (2020). Kontradiksi Antara Adat dan Syariat Dalam Amalan Perkahwinan Masyarakat Murut Tahol di Daerah Nabawan, Sabah. *MANU* Bil. 31 (2), 47-67.
- Marzali, A. (2012) Kategori adat dalam budaya Melayu Nusantara (Adat categories in Malaya-Archipelago culture) / Amri, M. Jurnal Pengajian Melayu, 23. pp. 1-25. ISSN 1823-7622
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.
- Mohad, A. H. (2005). *Tajau dan Peranannya dalam Budaya Masyarakat Murut di Tenom, Sabah*. *Jurnal Peradaban Melayu*, 3, 61-69. Retrieved from <https://bit.ly/3hCty6l>
- Mohad, A. H., & Mokhtar, A. A. M. (2017) *Agama dan Budaya Berpisah Tiada: Tinjauan terhadap Masyarakat Murut Tahol di Sabah* *International Journal of the Malay World and Civilisation* (Iman) 5(2), 2017: 3 – 12.
- Mokhtar, S. (2014). *Strategi Pelaksanaan Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Penilaian Modul Kerohanian di Penjara Sandakan*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokhtar, S., Ationg, R., Zulhaimi, N. A., Muda, N., Muis, A.M.R.A., Majumah, A.S.A.R., & Bakar, A. L. A. (2021a). Pengaruh Kepimpinan Pengamal Adat Kaum Suluk Dalam Ritual Kematian: Satu Tinjauan Awal Di Sandakan, Sabah *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 217 - 231.
- Mokhtar, S., Hajimin, M.N.H.H., Muis, A.M.R.A., Othman, I.W., Esa, M.S., Ationg, R., & Lukin, S.A. (2021g). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Vol. 6. Issue 23. April 2021. 140-156.
- Mokhtar, S., Mohd Shah, M. K., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., Marinsah, S. A. (2021b). Rekayasa Dakwah KBAT Dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling* 6 (39), 178-193.

- Mokhtar, S., Muda, N., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2021c). Nilai Moral Dalam Sajak 'Ke Makam Bonda' Oleh Usman Awang: Satu Analisis Bahasa, Nilai Dan Struktur Serta Kaitannya Dengan Konsep Dakwah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41), 76-91.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ationg, R., & Esa, M.S. (2021d). Implementasi Dakwah Terhadap Etnik Sungai Di Sabah: Satu Analisis Awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 164 - 178.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Moharam, M. M., & Maidin, I. (2021e). Dakwah Bil Akhlak Kontemporari: Satu Pendekatan Dalam Konsep Keusahawanan Islam. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37), 111 - 123.
- Mokhtar, S., Pullong, A., Hasbollah, M.N.H., & Adam, S.D.A. (2022a). Kepentingan Ilmu Dakwah Terhadap Pendakwah Kontemporari Menurut Perspektif Muhammad Al-Ghazali: Satu Analisis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 324 - 337.
- Mokhtar, S., Sharif Adam, S. D., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2022c). Facebook: Satu Platform dalam Membentuk Kesepaduan Nasional di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 295 - 308.
- Mokhtar, S., Thia, K. & Ramlie, H. A. (2019). Pendekatan Dakwah Jabatan Hal Ehwan Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan. *Jurnal al-Hikmah*, 11(2) 2019: 68-87.
- Mokhtar, S., Thia, K., Esa, M. S., Ahmad, M. K. L., Adam, S. D. S., & Pullong, A. (2023c). Hak Persaudaraan dan Persahabatan Menurut Perspektif Islam: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 292-308.
- Mokhtar, S., Thia, K., Esa, M. S., Ibrahim, M. A., Talib, M. N. M. (2023a). Peranan Media Digital dalam Dakwah Kontemporari Bagi Membentuk Kesepaduan Nasional Masyarakat di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (31), 47-60.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I. W., Ahmad, M. K. L., & Ibrahim, M. A. (2025). Implementation Of Da'wah for Bugis Community in Sabah: A Review. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 883-894.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021f). Prospek dan Cabaran Implementasi Dakwah dalam Media Kontemporari: Satu Analisis. Prosiding 5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 – 05 August 2021. 408-418.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., Mohd Mokhtar, R.A., Abd Rahim, S., & Zaini, M. S. (2023b). Dakwah Bi Al-Nafs: Pemangkin Penularan Virus Mazmumah dalam Kepimpinan Kendiri. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (53), 230 – 241.
- Mokhtar, S., Thia, K., Yazid, M.T.M., Ramlie, H.A., Muis, A.M.R.A & Pullong, A. (2022b). Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk di Sandakan Menurut Pandangan Syarak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 1 - 17.
- Monib, S. A., Yasim, M. A. A., Jamari, M. N. T., Nurodin, M. H., Sattar, A. A. A., Talib, M. N. M., & Mokhtar, S. (2025). Cabaran Dan Implementasi Dakwah Dalam Program Amali Dakwah IPDAS 2024 Di Beaufort, Sabah. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 895-910.
- Mukhtar, A. H. F., & Wan Muhyudin, A. A. (2025). Dakwah Islam Dan Penapisan Kandungan Oleh Ai: Satu Analisis Kritis Terhadap Cabaran Pendakwah Media Sosial. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (40), 192-202.

- Mustapha, R. & Rahman, A. A. (2020). Cabaran Pelaksanaan Dakwah terhadap Masyarakat Orang Asli oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang Challenges Propaganda against the Aboriginal Community by the Islamic Religious Council and Malay Customs Council. *Islamiyyat*, 42(8): 59-67.
- Nassir, N. (2017). Unsur Kepercayaan dan Kearifan Tempatan dalam Memorat Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol di Sabah. *Jurnal Kemanusiaan*. Vol. 24, No. 2. Shakirin, S. (2021). Adat Dan Budaya Kaum Murut. Retrieved from <https://bit.ly/3yqAs4q>
- Pullong, A., Mokhtar, S., Hasbollah, M. N. H, & Esa, M. S. (2022). Adat Perkahwinan Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah: Penilaian Dari Perspektif Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 283 - 294.
- Pullong, A., Mokhtar, S., Mohd Mokhtar, R. A., Mohad, A. H., & Abdul Rahman, N. (2023). Kepercayaan Bulan Sial Dalam Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (53), 269 – 277.
- Ramlie, H. A., Hilmi, E. E., Mokhtar, S., & Esa, M. S. (2022). Naratif Adat Perkahwinan Etnik Suluk di daerah, Kudat, Sabah. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 7 (29), 152-162.
- Rashid, N.R.N.A. & Ismail,W.F.W. (2012), Perkahwinan, 15 Mei 2021, <http://www.myhealth.gov.my/perkahwinan/>
- Shukri, J. A. A., Matarsat, D. E. A., Nayai, M. I. M., Rahmat, S. N., Salleh, M. S., Talib, M. N. M., & Mokhtar, S. (2025a). Pendekatan Dakwah Dalam Program Amali Dakwah IPDAS Tahun 2022 - 2024 Di Sabah. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 847-863.
- Shukri, J. A. A., Zainal, A. N., Ismail, M. S., Talib, M. N. M., & Mokhtar, S. (2025b). Implementasi Dakwah Menerusi Program Dekat Di Hati ‘Anak Malaysia’ Di Kampung Mesilou Kundasang, Sabah: Satu Analisis. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 864-882.
- Talib, N. A. A., Abdullah, M. Y. & Salleh, M. A. M. (2017). Special Articles (Disember, 2017), *Cabaran Dakwah Islam di Alam Siber* 4-6.
- Yunus, Hata. (2021). *Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk*. 52 tahun. Taman Indah Jaya, Sandakan. Temu bual, 15 Jun.